

11 warga asing ditahan ceroboh perairan dekat Pulau Kendi

Hh 28/12/2022 M.S. 20

Georgetown: Sebelas warga asing ditahan Agensi Pengawalan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang dalam dua operasi berasingan pada Khamis dan Sabtu lalu berhampiran Pulau Kendi, di sini.


Dalam Op Tanjung itu, bot dan semua mereka ditahan berikutan kesalahan tiada dokumen perjalanan yang sah, menangkap ikan tanpa permit dan tiada permit menggaji warga asing.

Pengarah APMM Negeri, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, terdahulu pada 22 Disember, pihaknya menahan bot nelayan tempatan yang dikendali lima kru warga asing berkenaan.

Katanya, mereka ditahan pada kedudukan 14 batu nautika barat Pulau Kendi jam 4.17 petang.

"Pemeriksaan mendapati bot nelayan terbabit dikendalikan lima kru pendatang asing tanpa izin (Pati) terdiri daripada tiga warga Myanmar dan dua Thailand yang masing-masing berusia antara 19 hingga 52 tahun.

"Mereka tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah serta permit bekerja manakala bot nelayan tempatan itu didapati ber-



APMM menahan warga asing dalam dua operasi berhampiran Pulau Kendi, Georgetown.

pangkalan di Pulau Pangkor, Perak," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 iaitu tiada

permit menggajikan warga asing daripada Ketua Penggarah Perikanan Malaysia serta tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan diri yang sah.

Sementara itu, dalam ope-

rasi kedua pada 24 Disember lalu, Abd Razak berkata, pihaknya menahan sebuah bot nelayan Indonesia pada kedudukan 52 batu nautika barat daya Pulau Kendi jam 12.10 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot nelayan yang berpangkalan di Belawan, Indonesia itu mendapati ia dikendali enam kru warga berkenaan berusia antara 24 hingga 42 tahun.

"Semua mereka gagal menggunakan dokumen pengenalan diri dan permit menangkap ikan di perairan Malaysia," katanya lagi.

Mereka melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 iaitu menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa permit daripada Ketua Penggarah Perikanan Malaysia serta tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan diri yang sah.

Menurut Abd Razak, kedua-dua bot dan kru yang ditahan dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung sebelum diserah kepada pegawai penyiasat.

"APMM tidak akan berkompromi dan menegaskan supaya semua komuniti nelayan tempatan termasuk pemilik bot mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi memastikan perairan negara sentiasa terkawal dari isu pencerobohan bot nelayan asing," katanya.

Orang ramai yang mempunyai aduan salah laku menjalani maritim atau keemasan di laut boleh segera hubungi talian hotline Pusat Operasi Maritim Negeri Pulau Pinang di talian 04-2626146 atau talian kecemasan MERS 999.